



Anugerah Kehormat Doktor Persuratan

Yg. Bhg. Datuk Zamani bin Md. Noor, selaku ahli Majlis MARA telah menerima Anugerah Kehormat Doktor Persuratan daripada University Of Sheffield pada 13 April yang lalu bertempat di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur. Anugerah disampaikan oleh Naib Canselor, Professor Keith Burnett.

Anugerah ini mengiktiraf jasa, sumbangan dan kepimpinan Yg. Bhg. Datuk Zamani bin Md. Noor sepanjang 33 tahun perkhidmatan beliau di MARA dan semasa menerajui MARA (2002 – 2006), dari segi pembangunan modal insan Bumiputra dan dalam bidang pendidikan dan keusahawanan.

Turut hadir di majlis penganugerahan tersebut ialah Yg. Bhg. Datuk Nam bin Marthinin, Ketua Pengarah MARA, Yg. Bhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed, Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Saham MARA Berhad, Yg. Bhg. Dato' Zulkipli bin Abdul, Pengerusi Majlis Universiti Kuala Lumpur dan Yg. Bhg. Dato' Hakim Juri, Presiden Universiti Kuala Lumpur.